

## **Kesediaan Pelajar Wanita Melibatkan Diri Dalam Aktiviti Kolej Kediaman Pelajar, Universiti Teknologi Malaysia**

Yahya Buntat & Noor Atiqah Sulaiman  
Fakulti Pendidikan,  
Universiti Teknologi Malaysia.

**Abstrak :** Kajian ini adalah satu tinjauan mengenai kesediaan pelajar wanita melibatkan diri dalam aktiviti kolej kediaman pelajar, Universiti Teknologi Malaysia dari aspek fizikal, emosi, minat dan sikap. Tinjauan ini juga bertujuan untuk menentukan faktor-faktor yang mendorong pelajar melibatkan diri dalam aktiviti kolej. Sampel untuk kajian ini adalah terdiri daripada pelajar wanita yang tinggal di tiga buah kolej dalam kampus Universiti Teknologi Malaysia iaitu Kolej Tun Fatimah, Kolej Datin Seri Endon dan Kolej 9. Soal selidik telah dipilih sebagai instrumen untuk kajian ini. Kebolehpercayaan soal selidik diuji dengan *Cronbach's Alpha* di mana nilai keseluruhan ialah 0.886. Seramai 254 orang pelajar wanita dipilih mewakili populasi. Penyelidik menggunakan perisian *Statistical Package for Social Science (SPSS for window version 11.5)*, untuk menganalisis data kajian bagi perhitungan min, kekerapan dan peratusan. Dapatan kajian menunjukkan pelajar wanita bersedia melibatkan diri dalam aktiviti kolej. Pelajar wanita memerlukan tubuh badan yang sihat dan cergas serta emosi yang stabil supaya bersedia melibatkan diri dalam aktiviti yang diminati dan majoriti pelajar bersikap positif terhadap aktiviti yang dijalankan. Pelajar wanita bersedia melibatkan diri dalam aktiviti kolej terutamanya dalam aktiviti berbentuk keagamaan dan bersikap positif terhadap aktiviti kolej yang dapat membentuk sikap positif dalam diri mereka. Faktor rakan sebaya, faktor bakat dan kebolehan serta faktor insentif memainkan peranan yang penting mempengaruhi penglibatan pelajar dalam aktiviti kolej. Penyelidik juga memberikan beberapa cadangan untuk meningkatkan penglibatan pelajar wanita dalam aktiviti kolej dengan mengharapkan komitmen pihak kolej serta Pejabat Hal Ehwal Pelajar (HEP).

*Katakunci :* aktiviti kolej kediaman pelajar

### **Pengenalan**

Falsafah Pendidikan Kebangsaan mengungkapkan hasrat bahawa pendidikan di Malaysia adalah satu usaha berterusan ke arah menghasilkan individu pelajar yang seimbang dan harmoni dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani berdasarkan kepercayaan kepada tuhan. Secara implisitnya matlamat pendidikan kita adalah untuk melahirkan warganegara yang mempunyai jati diri di mana di tangan mereka diharapkan akan terlahirnya rakyat Malaysia yang berilmu pengetahuan, berketrampilan, berakhlak mulia, bertanggungjawab dan berkeupayaan mencapai kesejahteraan diri serta memberi sumbangan terhadap keharmonian dan kemakmuran masyarakat dan negara (Habib Mat Som, 2005).

Menurut Wan Hasmah Wan Mamat (dalam Abdul Razaq Ahmad, 2005), Institusi pengajian tinggi (IPT) dilihat sebagai pusat kepada kecemerlangan pendidikan diharapkan mampu mengeluarkan para siswazah yang berkualiti dan berkemampuan untuk hidup sebagai manusia yang bersahsiah serta bersaing dalam pasaran ekonomi global. Tiga aspek penting dalam proses pendidikan iaitu pendidik, yang dididik dan ilmu pengetahuan. Ketiga-tiga aspek ini memainkan peranan penting dan saling bergantung bagi mempertingkatkan mutu pendidikan ke arah menghasilkan siswazah yang berkualiti. Dalam dunia masa kini yang berubah begitu pantas, dengan penemuan pelbagai ilmu dan pengetahuan baru serta akses terhadap maklumat yang tiada batasnya, kuasa dan tanggungjawab untuk menguasai pelbagai kemahiran bukanlah semata-mata terletak di bahu pensyarah atau guru.

Menurut Kamaruddin Hussin (1997), gerakerja ko-kurikulum menyediakan pelajar pengalaman-pengalaman yang mereka tidak dapat jalankan dalam bilik darjah. Ia bertujuan memberikan peluang kepada pelajar-pelajar itu memeperkembangkan mental, bakat sosial, jasmani serta rohani. Melalui aktiviti-aktiviti seperti pasukan pakaian beragam, persatuan dan kelab atau sukan, pelajar-pelajar dilatih bersikap bertanggungjawab, berdisiplin, bekerjasama, membina semangat kekitaan yang kuat, berdikari, tolong menolong dan hormat-menghormati dan sebagainya. Menurut Ee Ah Meng (1988), kegiatan kokurikulum dalam bentuk pasukan unit berpakaian beragam, kelab dan sukan boleh memupuk nilai-nilai kewarganegaraan. Apabila pelajar brinteraksi antara satu sama lain, semangat kekeluargaan dan perpaduan dapat disemai dan dipupuk. Permainan dan sukan dapat menyihatkan tubuh badan dan fikiran serta menstabilkan emosi.

Menurut Tajul Ariffin Noordin & Nor'Aini (dalam Abdul Razaq Ahmad, 2005), aspek akademik mengukur kecerdasan mental dan aspek bukan akademik mengukur kecerdasan atau kemahiran sosial dan fizikal. Kedua-dua aspek ini penting dalam kehidupan sesebuah masyarakat, organisasi atau institusi sosial. Misalnya, seseorang yang cemerlang akademik, tetapi tidak dapat menyesuaikan diri dengan rakan dan tidak boleh bekerjasama, maka orang itu tidak berjaya dalam hidup bermasyarakat atau berorganisasi. Hassan Langgulong (1983), menyatakan antara keperluan psikologikal asasi manusia ialah keperluan berkumpul. Sepanjang hidup manusia perlu tergabung dalam suatu kumpulan atau lebih supaya ia dapat merasa satu haluan dan satu arah dengan kelompok tersebut, dan dia mencari penerimaan, penghargaan dan pengakuan. Mulanya keperluan dipenuhi melalui keluarga, di mana seseorang merasa perlu sepanjang umurnya, kemudian seseorang, kerana pertumbuhannya perlu kepada memperluaskan lingkungan hubungannya yang meliputi kawan-kawan bermain, jiran-jiran, kawan kerabat, kelompok sebilik darjah, kelompok sekerja, kelab, syarikat sekerja dan lain-lain.

### **Penyataan Masalah**

Cross (1981 dalam Abdul Razaq Ahmad, 2005) menyatakan bahawa 70 peratus daripada pembelajaran golongan dewasa adalah merupakan pembelajaran sendiri. Oleh itu, adalah menjadi tanggungjawab mahasiswa untuk memastikan mereka yang menentukan corak interaksi dan penglibatan diri mengikut keperluan mereka bagi menghasilkan pencapaian akademik yang memuaskan dan perkembangan sendiri yang mantap. Oleh sebab itu, kajian ini bertujuan mengkaji penglibatan pelajar wanita untuk melibatkan diri dalam aktiviti kolej yang dianggap sebagai program pembangunan pelajar. Malahan, Wan Hamidon & Norgainy (2005), berpendapat graduan perlu melengkapkan diri dari sudut akademik dan meningkatkan kualiti bukan berbentuk akademik yang lain seperti kebolehan menjadi pemimpin, berkomunikasi yang baik, mempunyai akhlak dan sahsiah diri yang baik dan sebagainya.

Pace (1990) pula menjelaskan IPT juga merupakan pusat bagi pelajar mempertajamkan kemahiran interpersonal, membina keyakinan diri dan berinisiatif melalui penglibatan dalam kehidupan akademik dan kehidupan sosial di kampus. Tambahan pula, penyertaan pelajar wanita jauh mengatasi lelaki dalam setiap peringkat pengajian. Pada hari ini kaum wanita di Malaysia seharusnya lebih bersyukur kerana bilangan mereka bukan sahaja menyamai malah jauh mengatasi kaum lelaki dalam pendidikan (Abdul Aziz Rahman, 2005). Kajian ini ingin melihat sama ada pelajar wanita bersedia melibatkan diri dalam aktiviti kolej. Menurut Horner (1968 dalam Shahrudin Abd. Aziz, 2001), kaum wanita berasa kurang berkeyakinan melakukan kemahiran motor yang dianggap sebagai tidak sesuai dengan sifat kewanitaannya. Sebaliknya, mereka akan lebih berkeyakinan jika melakukan sesuatu tugasan yang dianggap sesuai dengan sifat kewanitaan mereka.

### **Objektif Kajian**

Objektif kajian ini dijalankan adalah untuk meninjau kesediaan pelajar wanita untuk melibatkan diri dalam aktiviti kolej kediaman pelajar, Universiti Teknologi Malaysia dari aspek fizikal, emosi, minat, sikap dan meninjau faktor-faktor utama yang mendorong pelajar wanita melibatkan diri dalam aktiviti kolej. Kesemua pelajar tersebut merupakan pelajar di tiga buah kolej yang telah di pilih iaitu Kolej Tun Fatimah (KTF), Kolej Datin Seri Endon (KDSE) dan Kolej 9 (K9). Antara objektif kajian ialah:

- a) Mengenal pasti tahap kesediaan pelajar wanita dari aspek fizikal untuk melibatkan diri dalam aktiviti kolej kediaman pelajar, Universiti Teknologi Malaysia.
- b) Mengenal pasti tahap kesediaan pelajar wanita dari aspek emosi untuk melibatkan diri dalam aktiviti kolej kediaman pelajar, Universiti Teknologi Malaysia.
- c) Mengenal pasti tahap minat pelajar wanita untuk melibatkan diri dalam aktiviti kolej kediaman pelajar, Universiti Teknologi Malaysia.
- d) Mengenal pasti tahap sikap pelajar wanita terhadap aktiviti yang dijalankan di kolej kediaman pelajar, Universiti Teknologi Malaysia.
- e) Mengenal pasti faktor-faktor utama yang mendorong pelajar wanita melibatkan diri dalam aktiviti kolej kediaman pelajar, Universiti Teknologi Malaysia.

### **Kepentingan Kajian**

Kajian ini dibuat adalah untuk memberi gambaran dan maklumat yang jelas sama ada pelajar wanita bersedia melibatkan diri dalam aktiviti-aktiviti kolej. Antara kepentingan kajian ini ialah:

- a) Menunjukkan kesediaan pelajar wanita untuk melibatkan diri dalam aktiviti kolej dari aspek fizikal, emosi, minat dan sikap pelajar wanita sendiri.
- b) Memberi kesedaran kepada pelajar wanita tentang kepentingan melibatkan diri dalam aktiviti-aktiviti kolej yang memerlukan penglibatan mereka.
- c) Memberi peluang kepada pelajar wanita mengenalpasti pengaruh dalaman dan luaran yang mempengaruhi mereka melibatkan diri secara aktif dalam aktiviti kolej kediaman pelajar.
- d) Memberi peluang kepada pensyarah untuk menyedari apakah peranan mereka sebagai pendidik untuk memberi galakkan kepada pelajar wanita supaya bukan sahaja cemerlang dalam akademik tetapi juga bukan akademik.
- e) Membantu pihak Unit Pembangunan dan Pengurusan Pelajar (P&A) membentuk kurikulum formal dan bukan formal yang sesuai dengan keperluan pelajar-pelajar Universiti Teknologi Malaysia.

### **Batasan Kajian**

Kajian yang dijalankan ini bakal tertumpu kepada pelajar wanita tahun 4 yang mendiami Kolej Tun Fatimah (KTF), Kolej Datin Seri Endon (KDSE) dan Kolej 9 (K9). Pemilihan pelajar tahun 4 dibuat berdasarkan andaian bahawa pelajar tahun 4 lebih pengalaman dan pendedahan terhadap aktiviti kolej berbanding pelajar tahun 1, 2 dan 3.

### **Rekabentuk Kajian**

Menurut Mohd Majid Konting (1990), reka bentuk merupakan teknik dan kaedah tertentu untuk memperoleh maklumat yang diperlukan bagi menyelesaikan masalah. Kajian yang dijalankan dalam kajian ini adalah berbentuk deskriptif, iaitu dalam bentuk tinjauan untuk mengetahui kesediaan pelajar wanita melibatkan diri dalam aktiviti kolej kediaman pelajar, Universiti Teknologi Malaysia. Menurut Azizi Yahya *et al.* (2006), tinjauan deskriptif bertujuan mendapatkan gambaran berkaitan keadaan atau ciri populasi.

Menurut Mohd Majid Konting (1990), penyelidikan deskriptif bertujuan untuk menerokai sesuatu bidang yang belum atau kurang dikaji. Selain itu, penyelidikan deskriptif dapat menerangkan

dan menjelaskan perkara yang sebenar berlaku. Ia sesuai digunakan dalam kajian ini kerana dapatan kajian ini merupakan maklumat peristiwa yang sedang berlaku dan boleh digunakan untuk menyelesaikan masalah yang berkaitan untuk masa akan datang.

Soal selidik merupakan instrumen yang akan digunakan dalam kajian ini. Item-item dalam borang soal selidik dibentuk berdasarkan kepada kesemua persoalan kajian yang dinyatakan dalam Bab 1. Item-item yang ditanya di dalam soal selidik ini adalah berbentuk tertutup di mana responden hanya perlu menjawab mengikut tahap persetujuan mereka. Soal selidik ini diedarkan kepada pelajar wanita tahun 4 yang mendiami kolej Tun Fatimah, Kolej Datin Seri Endon dan Kolej 9. Menurut Mohd Najib Abdul Ghafar (1998 dalam Chieng Zouh Fong, 2000), kebanyakan soal selidik sesuai digunakan untuk mengukur persepsi, sikap, motivasi, perasaan, pandangan serta nilai efektif lain.

Maklumat yang diperolehi daripada soal selidik ditukarkan ke dalam bentuk perangkaan ataupun statistik dengan menggunakan *Statistical package for Social Science (SPSS Versi 11.5 for Windows)*. Statistik ini seterusnya akan diproses dan dianalisis bagi mendapatkan keputusan.

## **Populasi dan sampel kajian**

### **Populasi**

Terdapat 13 buah kolej kediaman pelajar dalam kampus UTM, Skudai. Tiga buah kolej yang telah dipilih untuk kajian ini merupakan kolej yang didiami oleh pelajar wanita keseluruhannya iaitu Kolej Tun Fatimah (KTF), Kolej Datin Seri Endon (KDSE), Kolej 9 (K9). Populasi kajian hanya terbatas kepada pelajar wanita tahun 4 yang tinggal di kolej kediaman yang mana keseluruhan kapasiti kolej terdiri daripada pelajar wanita tahun 1, 2, 3, 4, 5 dan master. Populasi untuk kajian ini merupakan jumlah keseluruhan pelajar wanita tahun 4 yang mendiami tiga buah kolej (KTF, KDSE dan K9) iaitu seramai 771 orang pelajar.

### **Persampelan**

Penyelidik menggunakan kaedah persampelan kelompok atas kelompok dari kelompok pelajar wanita yang mendiami 13 buah kolej dalam kampus Universiti Teknologi Malaysia, penyelidik memilih 3 buah kolej. Pelajar wanita yang dipilih merupakan pelajar wanita tahun 4. Dalam kajian ini populasi dibahagikan kepada tiga kumpulan berdasarkan kolej kediaman iaitu kolej yang mana keseluruhan pelajar yang mendiami kolej tersebut merupakan pelajar wanita, tahun pengajian iaitu tahun 4 dan jantina iaitu pelajar wanita.

Menurut Mohd Majid Konting (2004), persampelan merupakan strategi penyelidikan bagi mendapatkan maklumat mengenai sesuatu populasi daripada sebahagian individu yang menganggotai populasi tersebut dan sebahagian individu yang diambil melalui persampelan bagi mewakili sesuatu populasi yang dikaji dinamakan sampel. Penentuan saiz sampel dalam kajian ini adalah berasaskan kaedah yang digunakan oleh Krejcie dan Morgan (1970 dalam Azizi Yahaya *et al.* 2006). Saiz sampel yang diperlukan adalah 254 sampel. Oleh sebab itu, seramai 254 orang responden diperlukan untuk kajian ini.

### **Instrumen Kajian**

Bagi mendapatkan maklumat dan data-data mentah untuk tujuan analisis, penyelidik telah menggunakan set soal selidik sebagai instrumen kajian. Instrumen bagi kajian ini adalah berbentuk kuantitatif iaitu satu set borang soal selidik yang terdiri dari dua bahagian A dan B (rujuk lampiran). Dua bahagian soal selidik tersebut ialah; Bahagian A: Latar belakang responden (4 item) dan Bahagian B : Kesiediaan Pelajar Wanita Melibatkan Diri dalam Aktiviti Kolej Kediaman Pelajar Universiti Teknologi Malaysia (38 item). Set soal selidik dibina berdasarkan objektif kajian. Rasional menggunakan kaedah ini adalah untuk kos yang rendah dan mudah untuk mendapatkan kerjasama daripada responden.

Penyelidik menggunakan kaedah tinjauan dengan soal selidik sebagai satu instrumen kajian untuk mengumpul maklumat-maklumat terhadap kesediaan pelajar wanita melibatkan diri dalam aktiviti kolej kediaman pelajar, Universiti Teknologi Malaysia. Menurut Mohd Najib Abdul Ghafar (2003), soal selidik merupakan alat atau instrumen yang digunakan untuk mengukur tingkah laku responden. Dalam kajian yang dijalankan ini, penyelidik ingin mengukur tingkah laku responden berdasarkan kesediaan dari aspek fizikal, emosi, minat dan sikap. Kajian ini juga bertujuan mengkaji faktor-faktor utama yang mendorong pelajar wanita melibatkan diri dalam aktiviti kolej kediaman pelajar, Universiti Teknologi Malaysia.

Soal selidik ini disediakan berdasarkan skala Likert kerana skala ini dikatakan mempunyai tahap kebolehpercayaan yang tinggi (Majid Konting, 1990). Secara tidak langsung, skala ini membantu penyelidik untuk mengukur sesuatu pembolehubah yang dikaji dengan lebih tepat. Selain itu, pemilihan penggunaan soal selidik dalam kajian ini juga adalah kerana ianya lebih mudah untuk dikendalikan dan menjimatkan masa. Soal selidik yang akan dibuat mengandungi dua bahagian iaitu Bahagian A dan Bahagian B.

### **Kajian Rintis**

Sebelum kajian sebenar dapat dijalankan, kajian rintis perlu dijalankan dengan terlebih dahulu bagi memastikan masa, pentadbiran soal selidik, kefahaman responden tentang kehendak soalan dan kebolehpercayaan sesuatu item soal selidik tersebut. Data yang diperolehi dianalisis dengan menggunakan perisian *Statistical Package for Social Science (SPSS Versi 11.5 for Windows)* untuk menentukan kebolehpercayaan instrumen ini. Setiap dapatan daripada penyelidikan menjadi tidak bermakna sekiranya alat pengukur tersebut tidak mengukur mengikut kehendak penyelidik (Mohd Majid Konting, 1993).

Bagi tujuan ini, penyelidik telah menjalankan satu kajian rintis dengan memilih 15 orang pelajar yang dipilih secara rawak di kalangan wanita tahun 4 yang mendiami Kolej 9 (K9). Menurut Mohd Najib Abdul Ghafar (2003), soal selidik tersebut ditadbirkan kepada sekumpulan responden yang mempunyai *ciri yang sama* dengan populasi sebenar. 15 orang pelajar wanita yang dipilih ini, tidak akan terlibat dalam menjawab soal selidik yang akan diedarkan nanti bagi mengelakkan jawapan yang sama. Jumlah responden seramai 15 orang sudah mencukupi untuk analisis kesahan luaran dan indeks kebolehpercayaan (Mohd Najib Abdul Ghafar, 2003). Segala komen yang diberikan digunakan untuk mengemaskini borang soal selidik sebelum menjalankan kajian sebenar. Ujian kebolehpercayaan boleh dilakukan dengan menggunakan Ujian Cronbach's Alpha.

Berdasarkan hasil analisis yang telah dijalankan setelah dibuat analisa menggunakan perisian *Statistical Package for Social Science (SPSS Versi 11.5 for 40 Windows)*, didapati bahawa kebolehpercayaan instrumen kajian mengikut pekali alpha ialah 0.886 (Lihat Lampiran D). Menurut Mohd Najib Abdul Ghafar (2003), nilai indeks adalah 0 hingga 1. Nilai hampir 0 bermakna tahap kebolehpercayaan yang sangat rendah dan nilai yang hampir kepada 1 ialah tahap kebolehpercayaan yang sangat tinggi. Nilai 0.8 didapati memadai untuk diterima sebagai tahap kebolehpercayaan yang sesuai untuk sesuatu alat. Sekiranya nilai adalah lebih rendah daripada 0.8, pengkaji perlu mengubahsuai item dan seterusnya melaksanakan kajian rintis sekali lagi sehingga mencapai tahap nilai 0.8 ke atas.

### **Ringkasan Dapatan Kajian**

Jadual 1 menunjukkan tentang rumusan dapatan kajian secara keseluruhan mengikut dapatan kajian. Kajian ini menggunakan lima persoalan kajian untuk meninjau kesediaan pelajar wanita melibatkan diri dalam aktiviti kolej kediaman pelajar Universiti Teknologi Malaysia.

**Jadual 1 : Rumusan Dapatan Kajian Mengikut Persoalan Kajian.**

No. Persoalan kajian	Persoalan Kajian	Nilai Min	Tahap Purata
1.	Apakah pelajar wanita bersedia dari aspek fizikal untuk melibatkan diri dalam aktiviti kolej kediaman pelajar, Universiti Teknologi Malaysia.	3.70	Tinggi
2.	Apakah pelajar wanita bersedia dari aspek emosi untuk melibatkan diri dalam aktiviti kolej kediaman pelajar, Universiti Teknologi Malaysia.	3.94	Tinggi
3.	Sejauh manakah pelajar wanita berminat untuk melibatkan diri dalam aktiviti kolej kediaman pelajar, Universiti Teknologi Malaysia.	3.78	Tinggi
4.	Bagaimanakah sikap pelajar wanita terhadap aktiviti yang dijalankan di kolej kediaman pelajar, Universiti Teknologi Malaysia.	4.04	Tinggi
5.	Apakah faktor-faktor utama yang mendorong pelajar wanita melibatkan diri dalam aktiviti kolej kediaman pelajar, Universiti Teknologi Malaysia.	3.69- 4.02	Tinggi

Hasil analisis data mendapati pelajar wanita telah bersedia melibatkan diri dalam aktiviti kolej kediaman pelajar, Universiti Teknologi Malaysia dari aspek fizikal, emosi, minat dan sikap berdasarkan purata min keseluruhan yang ditunjukkan oleh purata nilai min persoalan kajian 1, 2, 3 dan 4 yang berada pada tahap yang tinggi iaitu antara 3.70-4.04. Manakala faktor-faktor utama yang mendorong pelajar wanita melibatkan diri dalam aktiviti kolej telah dikenal pasti terdiri daripada faktor-faktor yang mempunyai nilai min pada tahap tinggi iaitu antara julat min 3.69 - 4.04. Faktor-faktor tersebut terdiri daripada faktor rakan sebaya, faktor bakat dan kebolehan, faktor insentif dan faktor kemudahan kolej.

### **Perbincangan Dapatan Kajian**

Secara keseluruhannya, responden terdiri daripada pelajar wanita yang mendiami tiga buah kolej kediaman pelajar Universiti Teknologi Malaysia (UTM) iaitu Kolej Tun Fatimah (KTF), Kolej Datin Seri Endon (KDSE) dan Kolej 9 (K9). Ketiga-tiga kolej tersebut merupakan kolej yang didiami oleh pelajar wanita keseluruhannya. Ini disebabkan responden yang dipilih untuk kajian ini adalah terdiri daripada pelajar wanita sahaja.

Dari segi keturunan sebahagian besar pelajar wanita yang menjadi responden kajian terdiri daripada pelajar Melayu. Ini adalah mungkin disebabkan sebahagian besar pelajar UTM terdiri daripada pelajar Bumiputera. Manakala pelajar wanita berketurunan Cina, India dan lain-lain (Bumiputera Sabah, Bumiputera Sarawak, Iban). Ini mungkin juga disebabkan bilangan kemasukan pelajar ke Institusi Pengajian Tinggi Awam adalah berdasarkan kuota bumiputera dan bukan bumiputera.

Secara keseluruhannya, kebanyakan responden terdiri daripada pelajar wanita tahun 4 yang mendiami KTF, KDSE dan K9. Pelajar wanita tidak menjadikan umur sebagai halangan untuk

melibatkan diri dalam aktiviti kolej. Pelajar wanita juga tidak menjadikan perbezaan keturunan dan agama sebagai halangan untuk bergaul sesama mereka dan melibatkan diri dalam aktiviti kolej.

Dalam kajian ini, aspek fizikal merujuk kepada kecergasan dan kesihatan tubuh badan pelajar wanita untuk menunjukkan mereka berada dalam keadaan bersedia dari aspek fizikal bagi melibatkan diri dalam aktiviti kolej. Berdasarkan keputusan analisis data, nilai min item 3 merupakan nilai min tertinggi dalam persoalan kajian pertama iaitu sebanyak 3.97. Pelajar wanita bersetuju badan mereka bertambah cergas setelah melibatkan diri dalam aktiviti kolej. Kecergasan tubuh badan sememangnya diperlukan untuk melibatkan diri dalam sesuatu aktiviti atau program yang dijalankan di kolej dan kecergasan yang berterusan diperlukan selepas sesebuah program berakhir. Pelajar wanita yang memiliki kecergasan tubuh badan telah bersedia dari aspek fizikal. Kenyataan ini disokong oleh Maclyn (1993 dalam Sufean Hussin *et al.* 2005), yang menyatakan jika seseorang individu memiliki tahap kecergasan yang tinggi maka individu tersebut dapat menjalankan kerja harian dengan senang tanpa kelesuan serta mempunyai tenaga yang cukup untuk aktiviti rekreasi. Vasuden T. Arosso (1988) pula menegaskan bahawa kecergasan fizikal boleh ditakrifkan sebagai "kesanggupan menjalankan pekerjaan tiap-tiap hari dengan cukup tenaga serta kelicinan tanpa mengalami kepenatan yang keterlaluan, mampu bergiat dalam aktiviti masa lapang dan menghadapi kecemasan yang tidak dijangkakan".

Di samping itu, pelajar wanita yang bersedia melibatkan diri dalam aktiviti kolej terdiri daripada pelajar yang mengamalkan gaya hidup aktif. Pelajar yang tidak mengamalkan gaya hidup aktif tidak bersedia melibatkan diri dalam aktiviti yang diadakan. Gaya hidup yang aktif didefinisikan sebagai cara hidup individu mencapai keseronokan dan kepuasan melalui aktiviti fizikal yang menghubungkan tubuh badan, minda dan rohani dengan cara mengintegrasikannya ke dalam rutin harian (Mokasky, 1994 dalam Shahrudin Abd. Aziz, 2001). Konsep gaya hidup aktif dihubungkan dengan tabiat aktif fizikal, kecergasan dan kesihatan (Bouchard, Shephard, Stephens, Sutton dan Mcpherson, 1990). Kenyataan ini disokong oleh dapatan kajian dari item 4 yang menunjukkan nilai min 3.65.

Malahan dalam satu hadis, Nabi Muhammad ada menyatakan bahawa 'akal yang sihat terletak pada badan yang sihat'. Daripada kata-kata ini, dapatlah kita fahami bahawa usaha menyihatkan dan menyegarkan badan yang boleh membawa kepada kesihatan atau kecergasan otak adalah sesuatu yang dituntut oleh Islam (Hamdan Hj. Abdul Rahman, 1983). Ini kerana badan yang sihat akan melahirkan minda yang sentiasa aktif untuk membuat sesuatu kebaikan dan menghilangkan rasa malas, kurang motivasi, mengurangkan penyakit dalam badan dan membawa kepada kecemerlangan dalam kehidupan seseorang muslim samada dia seorang pelajar atau apa sahaja profesyen yang dia ceburi. Malah kualiti dalam hasil kerjanya juga akan terserlah dan akan meningkat dari masa ke semasa di sebabkan dia mempunyai tubuh badan yang sihat dan memberi penumpuan dan fokus kepada kerjanya (Prof Madya Syed Omar Syed Agil (dalam Ahmad Molyoto, 2000).

Selain itu, pelajar wanita bersedia dari aspek emosi kerana mereka selesa bergaul secara sihat bersama rakan-rakan. Hubungan yang baik sesama pelajar dalam sesebuah organisasi, persatuan, kelab atau aktiviti yang disertai dapat meningkatkan kesediaan emosi pelajar wanita untuk melibatkan diri dalam aktiviti kolej. Ini disokong oleh nilai min yang diperolehi bagi item 9 dengan nilai min sebanyak 4.01. Berasa selesa dalam pergaulan mempengaruhi emosi seseorang. Pelajar wanita memerlukan hubungan mesra dan baik sesama mereka semasa menyertai sesuatu aktiviti kolej terutamanya dikalangan rakan sebaya. Hanya rakan sebaya yang dapat membantu mereka rasa difahami, dihargai dan diperlukan dalam sesebuah organisasi atau aktiviti. Hal ini disokong oleh kajian Douvan dan Gold (1966), tentang perhubungan rakan sebaya yang menunjukkan satu trend sokong-menyokong melalui ketaatan dan kemesraan. Dari segi remaja, saling menyokong bergantung atas kefahaman yang orang lain boleh berkongsi kebolehan, minat, pengalaman dalaman dan menghargai keunikan seseorang itu. Dimensi lain dalam persahabatan remaja ialah kemesraan

(perasaan berdekatan). Remaja menyatakan, rakan ialah orang yang boleh dia berkomunikasi, nyatakan perasaan dan masalah. Rakan adalah lebih terbuka, boleh mendengar dan menyimpan rahsia. Rakan juga boleh dipercayai, tidak berdendam dan dia tidak akan membocorkan segala yang telah dicakapkan kepadanya (Rahil Mahyuddin & Habibiah Elias, 2002).

Ini diikuti dengan item 13 yang mana responden bersetuju dengan pernyataan “Saya sedia mendengar arahan yang diberikan oleh ketua”. Pelajar wanita bersedia dari aspek emosi apabila bersedia mendengar arahan ketua iaitu pemimpin dalam sesebuah aktiviti yang dijalankan. Abdullah Hassan & Ainon Mohd (2001), menyatakan kepimpinan ialah sejenis tingkah laku yang bertujuan mempengaruhi individu-individu lain supaya mereka sanggup dan secara sukarela melakukan apa yang dikehendaki oleh individu yang memimpin. Pemimpin adalah individu-individu yang mempunyai keupayaan mendorong individu-individu lain supaya patuh dengan secara rela hati, iaitu tanpa tekanan atau paksaan. Menurut Singer (1975 dalam Saedah Siraj *et al.* 1996) dalam situasi pengajaran aktiviti fizikal, jurulatih dianggap sebagai pemimpin. Jika dikalangan pemain pula, kapten merupakan pemimpin bagi pasukannya. Kepimpinan ialah suatu pertalian antara personaliti individu dengan suatu situasi. Pelajar wanita bersedia untuk mendengar arahan ketua yang dilihat sebagai pemimpin dalam sesebuah program, persatuan, kelab atau permainan.

### **Rujukan**

- Azizi Yahya *et al.* (2006). “Menguasai Penyelidikan Dalam Pendidikan”. Kuala Lumpur: PTS Professional Publishing Sdn.Bhd.
- Chieng Zouh Fong (2000). “Persepsi dan sikap Mahasiswi terhadap aktiviti kolej Kediaman Universiti Teknologi Malaysia, Skudai, Johor”. UTM: Projek Sarjana Muda.
- Ee Ah Meng (1994). “Psikologi Dalam Bilik Darjah”. Kuala Lumpur: Fajar Bakti Sdn.Bhd.
- Ee Ah Meng (1996). “Psikologi Pendidikan 1”. Shah Alam: Fajar Bakti. 89, 148-50.
- Habibah Bt. Elias (1983). “Psikologi Pendidikan Untuk Perguruan”. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kamus Dewan (2007). “ Kamus Dewan Edisi Keempat”. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Lester D. Crow & Alice Crow (1980). “Educational Psychology”. Brooklyn College: Litton Publishing International.
- Maslow, AH (1971). “The Father Reaches Of Human Nature”. New York: Vilking Press Inc.
- Mohd Fadhli Che Kamarudin (2003). “Faktor-faktor yang Menyebabkan Kurangnya Penglibatan Mahasiswa dalam Aktiviti Berbentuk Akademik.” UTM: Projek Sarjana Muda.
- Omardin Ashaari (1998). “Pengurusan Sukan”. Kuala Lumpur : Utusan Publication & Distributors Sdn. Bhd.
- Rahil Mahyuddin & Habibiah Elias (2002). “Psikologi Pendidikan Untuk Perguruan”.Selangor: Karisma Publications Sdn. Bhd.
- Saedah Siraj, Zainun Ishak, Tunku Mohani Tunku Mokhtar (1996). “Motivasi Dalam Pendidikan”. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Shaharudin Abd. Aziz (2001). “Mengaplikasikan Teori Psikologi dalam Sukan”. Kuala Lumpur: Utusan Publication & Distributors Sdn. Bhd.